

BAB KETIGA

**PENDEKATAN DAKWAH
INSTITUSI-INSTITUSI
DAKWAH PERLIS**

BAB KE TIGA

PENDEKATAN DAKWAH INSTITUSI-INSTITUSI ISLAM PERLIS

3.0. Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan tentang pendekatan yang telah dan sedang dilakukan oleh institusi Islam yang terdapat di Perlis samada institusi yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah terhadap masyarakat Islam mahupun institusi Islam yang mana aktiviti dakwahnya hanya tertumpu kepada masyarakat Islam sahaja. Penulis mendapati hanya dua institusi yang berperanan aktif dalam menjayakan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis iaitu Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) dan juga Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) cawangan Negeri Perlis.

3.1. PENDEKATAN DAKWAH JABATAN AGAMA ISLAM PERLIS

Institusi-institusi Islam yang terbabit dengan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis hanyalah terhad kepada dua institusi sahaja iaitu Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) dan juga PERKIM Perlis.

Sebagai sebuah Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam meninggikan syiar Islam di Negeri Perlis, JAIPS telah mengambil beberapa pendekatan dalam usaha menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam. Antara pendekatan yang diambil ialah memperkenalkan Islam sebagai sebuah agama yang menekankan soal-soal akhlak, keamanan dan kesejahteraan. Pendedahan ini penting bagi menghilangkan sebarang bentuk kekeliruan dan salah faham yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam di

seluruh dunia terhadap Islam samada melalui alat-alat media massa atau media cetak. ¹

Masyarakat bukan Islam yang mendiami Negeri Perlis terdiri dari berbagai bangsa dan berlainan adat dan kebudayaan. JAIPS telah cuba merangka beberapa pendekatan yang sesuai untuk mendedahkan Islam kepada golongan bukan Islam. Kajian mendapati tidak lebih dari 15 orang yang memeluk Islam dalam setahun di Perlis. ²

Pendekatan yang diambil oleh JAIPS dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendekatan jangka pendek dan juga pendekatan jangka panjang. Pendekatan ini disusun oleh pihak JAIPS berdasarkan kemampuan yang dimiliki oleh Unit Dakwah. Walau bagaimana pun pendekatan ini sentiasa berubah dari masa ke semasa berdasarkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. ³

3.1.1. Pendekatan Jangka Pendek

Pendekatan jangka pendek bermaksud setiap pendekatan yang diambil dapat dilaksanakan secara terus kepada golongan sasaran dakwah. Pendekatan jangka pendek ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pendekatan dakwah secara langsung dan pendekatan dakwah secara tidak

¹ Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, Penolong Pengarah Dakwah, Unit Dakwah, Jabatan Agama Islam Perlis pada 24 Julai 2001 di pejabatnya .

² Temubual dengan Ustazah Resinah binti Ali, *Pembantu Tadbir Bahagian Ukhuvwah . Unit Dakwah* pada 24 Julai 2001 di pejabatnya pada pukul 2.30 petang .

³ Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit* .

langsung. Antara pendekatan jangka pendek ;

1. Mendedahkan Islam kepada Pemimpin Politik Bukan Islam .

Pendedahan tentang Islam kepada para pemimpin masyarakat bukan Islam adalah merupakan satu langkah yang dianggap sesuai kerana pemimpin akan mendapat kefahaman yang betul mengenai Islam. Bila para pemimpin ini memahami konsep Islam dengan tepat mudahlah bagi mereka untuk memberi pandangan dan pendapat mereka tentang Islam kepada pengikut-pengikut mereka. Pendedahan tentang Islam kepada para pemimpin masyarakat bukan Islam di Perlis dilakukan ketika Kerajaan Negeri Perlis mengadakan majlis-majlis rasmi berbentuk keagamaan seperti majlis menyambut hari kebesaran Islam seperti sambutan *Maulid al-Rasūl*, sambutan *Maal Hijrah* begitu juga majlis perasmian masjid. Dalam majlis tersebut para pemimpin politik yang mewakili Kerajaan Negeri Perlis samada dari keturunan Cina, India dan keturunan Thailand dijemput untuk menghadirinya. Secara tidak langsung kehadiran ahli politik ini mendekatkan mereka dengan ajaran Islam disamping membuka minda mereka tentang Islam. Setakat ini, langkah ini sahaja yang mampu dilakukan oleh JAIPS dengan bantuan Kerajaan Negeri Perlis dalam pelaksanaan dakwahnya terhadap masyarakat bukan Islam.⁴

⁴ Temubual dengan Ustaz Farid bin Noh *Pegawai Dakwah Unit Qariah dan Masjid Jabatan Agama Islam Perlis* pada 25 Julai 2001 jam 2.45 petang di pejabatnya .

- Isi Kandungan Dakwah

Berhubung dengan isi kandungan dakwah tertumpu kepada amalan Islam dan tanggungjawab sebagai seorang Islam terhadap agamanya. Dalam majlis seperti ini kupasan tentang Islam tidak diberi secara mendalam kerana majlis yang diadakan adalah untuk umum. Jika majlis yang diadakan itu sempena perasmian sesebuah masjid, maka isinya berkisar tentang peranan masjid dan fungsinya dalam menyatupadukan masyarakat Islam. Jika majlis yang diadakan itu bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam seperti sambutan *Maulid al-Rasul* atau sambutan *Maal Hijrah*, isi kandungan dakwah berkisar tentang hari tersebut samada tentang hari kelahiran Rasulullah s.a.w., sejarah hidupnya, sejarah penghijrahannya s.a.w. serta kesannya dalam kehidupan umat Islam. Soal-soal yang berkaitan dengan akidah tidak di berikan secara terperinci. Dalam majlis itu juga bacaan al-Qur'an dan terjemahannya diadakan.⁵

Walau bagaimanapun program ini tidak dapat dilakukan setiap masa lantaran ia berbentuk majlis rasmi dan ianya perlu kepada perancangan dan penyusunan dari banyak pihak yang terlibat dan bergantung kepada kepada keadaan dan masa yang sesuai. Sehingga kini pihak JAIPS belum lagi merangka sebarang aktiviti khusus bagi mendedahkan Islam kepada masyarakat bukan Islam secara terus seperti mengadakan dialog terbuka dengan masyarakat bukan Islam. Aktiviti ini tidak dapat dilakukan JAIPS menghadapi kekurangan tenaga pendakwah yang

⁵ Temubual dengan Ustaz Farid bin Noh, *op.cit.*

berpengalaman dan berkebolehan khususnya yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina , India dan juag Thailand .⁶

2. Menyebarkan Risalah dan Buku-buku Islam .

Pihak JAIPS telah menggunakan pendekatan dakwah melalui pengedaran buku dan risalah tentang Islam sebagai bahan bacaan untuk golongan bukan Islam. Cara ini dapat memperkenalkan Islam kepada mereka. Dalam melaksanakan program ini JAIPS mendapat bantuan dari dan khidmat dari Jabatan Mufti yang menanggung kos mencetak dan seterusnya mengedarkan buku dan risalah mengenai Islam ke seluruh Negeri Perlis. Di samping itu bahan bacaan tersebut turut diedarkan ke tempat-tempat tumpuan masyarakat bukan Islam sebagai bahan bacaan umum. Dalam menjayakan program ini JAIPS juga telah berkerjasama dengan PERKIM Negeri Perlis bagi mengedar bahan-bahan tersebut .⁷

masyarakat bukan Islam. Di samping itu juga ada juga bahan bacaan yang menjurus kepada penerangan tentang akhlak dan tatacara hidup seorang muslim. Ini penting sebagai panduan yang dapat mencerminkan keperibadian sebagai seorang muslim .⁸

⁶ *Ibid* Juga Temubual dengan Ustaz Idris bin Yaakob , *op.cit*.

⁷ Temubual dengan Ustazah Saimah Binti Mukhtar, *op.cit*.

⁸ Dipetik dari Sumber Lapuran Aktiviti Tahunan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis tahun 1999 , hlm. 5 .

Bahan-bahan bacaan yang mana isi kandungan berkisar tentang pengenalan Islam serta pendedahan ideologi Islam secara umum dicetak dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris supaya dapat di baca oleh

Pendekatan ini hampir sama dengan institusi dakwah di negeri-negeri yang telah lama berkecimpung dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam . Kajian menunjukkan individu yang memeluk Islam melalui pembacaan dan kefahaman yang sebenar terhadap hasil dari kajiannya yang mendalam menjadikan kefahaman akidah dan ilmu tentang Islam mereka lebih mantap daripada individu yang memeluk Islam melalui jalan perkahwinan, ini kerana mereka yang memeluk Islam melalui kefahaman akan berusaha menambahkan kefahaman mereka dari semasa ke semasa dan kadang kala mereka mempunyai kefahaman dan amalan Islam yang lebih baik dari masyarakat Islam sendiri .⁹

3. Kerjasama dengan Radio 3 Kangar.

JAIPS juga telah mengadakan kerjasama dengan RTM Kangar bagi mengadakan rancangan agama . Rancangan-rancangan agama ini disiarkan hampir setiap hari di mana ia dapat didengar oleh seluruh penduduk Negeri Perlis dan Negeri Kedah. Dengan ini secara tidak langsung masyarakat bukan Islam yang berminat dengan Islam dapat mengetahui ajaran Islam secara lebih lanjut. Ia merupakan program yang telah disusun oleh Radio Kangar dengan kerjasama JAIPS bertujuan meningkatkan pengetahuan masyarakat Islam secara khusus supaya

⁹ Temubual dengan Ustaz Muridie bin Mohamad , *op.cit*.

mereka dapat menghayati ajaran Islam secara lebih sempurna dan dengan ini meningkatkan sumbangan kepada peningkatan dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam .¹⁰

Menurut En. Hayazi bin Ramli bagi mengelola program ini Radio Kangar menjemput pegawai-pegawai JAIPS untuk memberi ceramah yang berkaitan dengan akhlak dan muamalah dalam Islam. Rancangan ini ada yang berbentuk rancangan mingguan dan ada yang berbentuk harian.

Antara rancangan yang **berbentuk mingguan** ialah :

- **Siaran Langsung Solat Jumaat dari Masjid Negeri Arau .**

Rancangan ini akan disiarkan pada waktu solat jumaat setiap minggu. Siaran ini akan diulang pada sebelah petang.¹¹

Isi-isi khutbah biasanya berkaitan dengan tatacara hidup sebagai muslim dan isu-isu semasa dan penyelesaiannya mengikut cara Islam. Khutbah yang dibaca itu disediakan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis di mana para pengarang teks khutbah tersebut ialah dari kalangan pegawai-pegawai agama dari Jabatan Agama Islam Perlis dan juga Jabatan yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Perlis seperti Jabatan Mufti dan Baitul Mal Negeri Perlis.¹²

¹⁰ Temubual dengan Ustaz Ismail bin Hasan Batubara pada 12 September 2001 di rumahnya di Taman Melati, Kangar. Beliau bertugas sebagai Mudir Maahad Tahfiz al-Qur'an Yayasan Islam Perlis. Beliau adalah salah seorang penceramah tetap rRadio Kangar dan salah seorang panel penulis khutbah Jumaat Negeri Perlis.

¹¹ Temubual dengan En. Hayazi bin Ramli , *Penerbit Rancangan Agama di Radio Tiga Kangar* di Masjid Negeri Arau pada 5 September 2001 selepas solat jumaat .

¹² Temubual dengan Tuan Haji Ahmad bin Adam *Iman Satu Masjid Negeri Arau* pada 5 September 2001 di Masjid Negeri Arau .

- **Rakaman ceramah agama atau rakaman forum Islam.**

Ceramah agama ini biasanya dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Perlis atau mana-mana Jabatan kerajaan Negeri Perlis atau mana-mana masjid di Perlis. Para penceramah biasanya adalah dari kalangan pegawai Jabatan Agama Islam Perlis. Selain itu rakam Forum Islam juga dilakukan oleh RTM Kangar. Rancangan ini disiarkan selama satu jam pada setiap minggu kemudian ianya akan disambung pada minggu berikutnya. Ianya disiarkan pada hari Rabu setiap minggu .¹³

- **Siaran Langsung pembelajaran bacaan al-Qur`an.**

Rancangan ini ialah satu rancangan di mana para pendengar akan mendengar bacaan al-Qur`an kemudian para pendengar akan membuat panggilan langsung dengan telefon dan bacaannya akan diperbetulkan oleh guru yang dilantik oleh RTM Kangar.¹⁴

Antara rancangan **berbentuk harian** ialah : -

- **Bacaan al-Qur`an dan terjemahannya**

Rancangan ini disiarkan setiap hari. RTM akan menjemput antaranya pegawai agama dari JAIPS sendiri dan juga para imam

¹³ Temubual dengan En. Hayazi bin Ramli, *op.cit.* Temubual dengan Ustaz Badaruddin Haji Ahmad salah seorang penceramah yang biasa diundang oleh JAIPS untuk memberi ceramah di masjid-masjid di Perlis dan juga di Jabatan Kerajaan di rumahnya di Kodiang pada 10 September 2001.

¹⁴ Temubual dengan Ustaz Faisal Haji Yusof, *Imam Dua Masjid Abwi Kangar*, pada 5 Oktober 2001 di Masjid Alwi Kangar. Beliau ialah guru al-Qur`an yang dijemput untuk mengendalikan rancangan bacaan al-Qur`an di Radio Kangar.

dari mana-mana masjid di Perlis yang memiliki kemahiran dalam pembacaan untuk membuat rakaman bacaannya, kemudian rakaman terjemahan dan pengertiannya akan dilakukan oleh orang lain pula. Rancangan ini disiarkan selama setengah jam setiap hari .¹⁵

- **Rancangan Fikrah Agama.**

Rancangan ini disiarkan selama lima minit setiap hari sebelah pagi dan siaran ulangan pada sebelah petang . Rancangan ini dibuat

Walaupun rancangan tersebut ditujukan kepada masyarakat Islam secara khususnya, namun masyarakat bukan Islam ada juga yang mendengar rancangan tersebut kerana bahasa yang digunakan ialah bahasa Malaysia dan ianya dapat difahami oleh masyarakat bukan Islam walaupun tidak secara keseluruhannya. Bagi golongan bukan Islam yang sudah ada perasaan minat terhadap Islam mereka akan mengetahui serba sedikit maklumat tentang agama Islam melalui rancangan tersebut di samping ia memberi kefahaman yang sebenarnya tentang Islam di kalangan umat Islam di Perlis, dengan ini ia dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan Islam di Negeri Perlis .¹⁶

¹⁵ Temubual dengan Ustaz Yusaini bin Yahya pada 7 Oktober 2001 di rumahnya di Batas Abi Tok Hasyim . Beliau merupakan pendakwah bebas yang sentiasa dijemput oleh JAIPS untuk memberi ceramah di masjid-masjid di Perlis . Beliau salah seorang yang dijemput Radio Kangar untuk merakamkan suara bacaan al-Qur'annya . Pegawai agama yang terlibat biasanya akan membuat skrip rakaman terlebih dahulu sebelum membuat rakaman .

¹⁶ Temubual dengan Ustaz Idris Yaakob , *op.cit.* Beliau merupakan penceramah tetap rancangan Fikrah di Radio Tiga Kangar .

4. Mengadakan Program Dakwah Secara *Fardiyah* .

JAIPS menyedari bahawa dakwah *fardiyah* adalah satu cara satu dakwah yang berkesan dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Pendekatan ini akan memudahkan mereka yang ingin mengetahui tentang Islam secara lebih dekat akan merujuk kepada orang-orang Islam yang memiliki pengetahuan yang cukup. Bagi mencapai matlamat dakwah ini, JAIPS telah melatih pengawainya dan sesiapa yang berminat untuk mendekati masyarakat bukan Islam.¹⁷ Melihat kepada bilangan yang memeluk Islam kebanyakannya berpunca dari perkahwinan, dakwah *fardiyah* dianggap sebagai satu cara yang amat praktikal untuk dilaksanakan dan ianya satu cara pendekatan dakwah yang sangat penting dan perlu diberi perhatian khusus.

Dakwah *fardiyah* satu kaedah penting dalam penyebaran Islam kerana ia akan menjalinkan hubungan dengan masyarakat umum kemudian memilih seorang daripada mereka untuk membina hubungan yang lebih erat kerana seseorang *da'i* itu tahu bahawa orang tersebut layak disebabkan komitmennya terhadap ajaran Islam .¹⁸ Dalam usaha membentuk golongan yang layak memikul tanggungjawab sebagai pendakwah JAIPS telah berusaha melatih para saudara baru dan juga pegawai JAIPS sendiri sebagai langkah awal ke arah mencapai pendakwah yang berkualiti .

¹⁷ Temubual dengan Ustazah Saimah bin Mukhtar ,*op.cit.*

¹⁸ Prof. Dr. 'Abd al-Halim Mahmud (1995), *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyah*, Mesir : Dār al-Wafā , hlm. 34 .

Menurut Ustazah Saimah JAIPS menganggap pendekatan dakwah jangka panjang perlu diberi lebih tumpuan berbanding pendekatan jangka pendek, untuk itu JAIPS merangka pelbagai program jangka panjang yang hasil akan dapat dilihat dalam tempoh beberapa tahun akan datang.¹⁹

3.1.2. Pendekatan Jangka Panjang .

Selain dari matlamat jangka pendek JAIPS juga telah merangka beberapa program jangka panjang . Program yang disusun ini diharap dapat membantu mencapai matlamat dakwah terhadap masyarakat bukan Islam di Perlis. Antara aktiviti yang telah disusun oleh ialah :

1. Menyediakan Pendakwah Dari Kalangan Saudara Baru .

JAIPS telah merangka beberapa program bagi merealisasikan matlamat dakwah di Negeri Perlis. Golongan saudara baru ialah golongan yang mempunyai potensi yang tinggi dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam kerana mereka lebih mengetahui kehendak dan keperluan masyarakat bukan Islam, di samping itu pengalaman yang ada pada mereka dapat dikongsi bersama dengan pendakwah lain yang ingin menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Dengan adanya kerjasama antara pendakwah yang sudah berpengalaman dengan para saudara baru ini sudah pasti akan

¹⁹ Temubual dengan Ustazah Saimah bin Mukhtar ,*op.cit.*

memberi faedah dan sumbangan kepada pertambahan aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam seterusnya membuka ruang kepada golongan bukan Islam untuk mengenali Islam secara lebih dekat lagi.²⁰

Justeru itu JAIPS telah menjalankan beberapa program khusus yang bertujuan membentuk pendakwah dari kalangan saudara baru yang dilihat mempunyai kemampuan dalam menjalankan tugas dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Antara program yang disusun ialah :

1. Memberi kefahaman Islam kepada saudara baru .

JAIPS telah mengambil beberapa langkah dalam usahanya untuk menggunakan para saudara baru ini bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Antara langkah yang diambil ialah melatih saudara baru supaya menjadi pendakwah yang mempunyai kemahiran dalam ilmu Islam. Langkah ini bertujuan agar pendedahan Islam itu dapat difahami oleh golongan bukan Islam. Mereka di beri pengetahuan ilmu Islam samada secara asas mahupun secara lebih mendalam kerana di samping ia bertujuan membentuk mereka sebagai pendakwah ia juga adalah salah satu cara membentuk mereka menjadi seorang muslim yang menepati kehendak agama Islam. Antara program yang disusun ialah bagi membentuk golongan saudara baru menjadi pendakwah ialah :

²⁰ *Ibid* .

- **Mengadakan Kelas-Kelas Pengajian Agama .**

JAIPS mengadakan kelas pengajian asas Fardhu `Ain untuk para saudara baru yang diadakan di Pusat Dakwah. Ilmu asas ini penting sebagai permulaan bagi seorang saudara baru. Kelas ini diadakan sekali seminggu di mana kehadiran para saudara baru memberansangkan dan mereka menunjukkan minat yang mendalam bagi mendalami ilmu-ilmu Islam.²¹ Memandangkan usaha memahami Islam itu perlu dimulakan dari peringkat asas lagi maka keperluan untuk membentuk para pendakwah dari golongan saudara baru amat diperlukan kerana mereka inilah yang diharap agar dapat memberi penerangan tentang Islam secara umum kepada masyarakat bukan Islam seterusnya jika berlaku kekeliruan tentang kefahaman mereka terhadap Islam barulah mereka merujuk kepada para ulama yang berpengalaman.

Oleh kerana golongan saudara baru ini kebanyakannya terdiri dari masyarakat Thailand yang memeluk Islam melalui perkahwinan dengan masyarakat Melayu Perlis, kelas-kelas yang diadakan menggunakan dua bahasa iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Thailand. Di samping itu diadakan juga kelas agama dengan bahasa Cina bagi masyarakat Cina yang memeluk Islam.²² Kelas agama ini

²¹ *Ibid.*

²² Temubual dengan Ustazah Saimah bin Mukhtar ,*op.cit.*

menggunakan tenaga pengajar dari kalangan pendakwah yang sudah berpengalaman samada dari kalangan mereka yang sudah lama memeluk Islam dan memiliki ilmu Islam yang mencukupi dan juga guru agama yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Thailand. Secara umumnya kelas-kelas ini hanyalah berkaitan dengan ilmu asas-asas Islam sahaja dan para saudara baru kebanyakannya belum berkemampuan mendalami ilmu Islam dengan lebih mendalam. Kelas ini diadakan tiga kali dalam seminggu selama dua jam. Elaun kehadiran diberikan kepada setiap saudara baru yang hadir sebagai perangsang kepada mereka .²³

2. Mengadakan Kelas Kemahiran Membaca al-Qur`an .

Saudara baru juga diberi latihan kemahiran dalam pembacaan al-Qur`an. Pengajian ini diadakan pada setiap minggu. Kelas ini diadakan bagi memberi kemahiran kepada para saudara baru agar berkemampuan membaca al-Qur`an sekurang-kurangnya untuk memenuhi keperluan asas fardu Ain terutamanya yang perlu dibaca dalam solat lima waktu. Tenaga pengajarnya samada dari kalangan guru al-Qur`an yang dilantik oleh JAIPS dan juga pendakwah yang sudah mahir dalam pembacaan al-Qur`an.

²³ Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah pada 25 Ogos 2001. Beliau seorang Pendakwah keturunan Cina yang memeluk Islam sejak 1982. Beliau adalah salah seorang tenaga Pengajar Sambilan di Pusat Dakwah Kelolaan Jabatan Agama Islam Perlis di Pusat Dakwah, Kangar. Beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Arau , Perlis .

3. Mengadakan Aktiviti Agama .

JAIPS merangka program bagi menimbulkan semangat kesedaran yang tinggi di kalangan saudara baru terhadap kepentingan ilmu Islam. Untuk mencapai tujuan dan matlamat tersebut banyak aktiviti agama telah disusun bertujuan memantapkan ilmu yang mereka pelajari di pusat Dakwah serta berkongsi pengalaman. Antara aktiviti tersebut ialah Majlis Tilawah al-Qur`an dan pertandingan syarahan di kalangan mereka . Aktiviti sampingan ini diharap dapat memberi sumbangan terhadap usaha JAIPS bagi memantapkan ilmu Islam di kalangan saudara baru di samping ianya bertujuan mengeratkan hubungan persaudaraan di kalangan saudara baru dengan pegawai JAIPS dan mereka yang terlibat dalam aktiviti dakwah terhadap masyarakat bukan Islam di Perlis.

4. Ceramah Tentang Kepentingan Dakwah Islam .

Bagi menimbulkan kesedaran di kalangan saudara baru tentang pentingnya usaha dakwah terhadap masyarakat bukan Islam, JAIPS juga telah mengambil pendekatan dengan sentiasa menerapkan kepentingan dakwah Islam di kalangan mereka melalui sesi ceramah ataupun melalui majlis-majlis ilmu serta perjumpaan bulanan dengan para saudara baru. Dengan adanya kesedaran yang tinggi ini diharap dapat mempermudah lagi usaha JAIPS mencapai matlamat mewujudkan pendakwah berkebolehan dari kalangan saudara baru.²⁴

²⁴ Temubual dengan Ustazah Saimah bin Mukhtar *,op.cit.*

3.1.3. Faktor-faktor JAIPS Memilih Golongan Saudara Baru Sebagai Pendakwah.

Sebagai sebuah Jabatan yang bertanggungjawab meninggikan syiar Islam di Negeri Perlis dan menjalankan aktiviti dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam adalah amat perlu bagi jabatan ini melakukan kerja-kerja dakwah secara langsung kepada masyarakat bukan Islam, namun disebabkan kekurangan tenaga pendakwah yang berkebolehan, JAIPS terpaksa menggunakan cara yang lebih sesuai iaitu melatih para saudara baru menjadi pendakwah. Pemilihan ini dilakukan kerana beberapa sebab , antaranya :

1. Saudara baru mempunyai pertalian yang rapat dengan ahli keluarga dan kawan-kawan mereka, walaupun mereka memeluk Islam tidak bermakna hubungan mereka dengan saudara mara dan kawan-kawan mereka terputus. Dengan ini mereka boleh mendekati masyarakat bukan Islam lebih rapat dan dapat berbincang dengan mereka secara bersemuka berbanding dengan para pendakwah dari kalangan orang Islam sekalipun mereka mempunyai kepakaran tentang Islam.²⁵
2. Saudara baru fasih dalam bahasa pertuturan mereka dan ini dapat membantu dalam menyampaikan ajaran Islam di mana masyarakat bukan Islam dapat memahami dengan lebih jelas tentang ajaran Islam berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh para saudara baru.

²⁵ Temubual dengan Ustazah Saimah binti Mukhtar, *op.cit.*

3. Saudara baru juga mudah mendekati masyarakat bukan Islam yang bukan dari keluarganya kerana sentimen bangsa dan dari situ ia boleh memperlihatkan keperibadian sebenar akhlak Islam dan cara hidup Islam yang sebenarnya, dengan ini boleh menimbulkan minat masyarakat bukan Islam untuk mengenali Islam .²⁶
4. Saudara baru memiliki kelebihan di mana mereka mengetahui dengan lebih mendalam tentang adat dan tatacara hidup masyarakat bukan Islam serta mengetahui kehendak yang diperlukan oleh mereka. Mereka juga mengetahui cara terbaik untuk mendekati masyarakat bukan Islam berdasarkan pengalaman sebelum memeluk Islam . Perkara ini biasanya lebih bermakna jika seorang saudara baru itu menfokuskan kepada kaum mereka sendiri .²⁷

Oleh kerana kebanyakan masyarakat bukan Islam yang memeluk Islam disebabkan kerana ingin berkahwin atau melalui pergaulan atau minat terhadap Islam, JAIPS perlulah mengambil pendekatan membentuk akhlak dan peribadi orang Islam supaya mereka layak memimpin saudara baru yang memeluk Islam melalui jalan perkahwinan. Aktiviti dakwah di Negeri Perlis memerlukan mereka yang berkemampuan dari segi bahasa dan kebolehan berkomunikasi, di samping itu tugas dakwah merupakan tugas yang perlu dilakukan secara berterusan, justeru itu perlu kepada pendekatan jangka panjang kerana ia memerlukan masa bagi mencapai tujuan dakwah Islam di Negeri Perlis .

²⁶ Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah . *op.cit.*

²⁷ Temubual dengan Ustaz Abdullah Tien pada 27 Ogos 2001 di rumahnya di Mata Ayer, Beseri Beliau seorang Pendakwah keturunan Cina dan bergiat aktif sebagai Pendakwah Bebas dan banyak membuka Kelas Qiraati di Perlis .

3.2. PENDEKATAN DAKWAH PERKIM PERLIS

Sebagai sebuah institusi Islam yang bertanggungjawab penuh dalam melaksanakan aktiviti dakwah Islamiyyah kepada masyarakat bukan Islam di Perlis, PERKIM Perlis telah cuba merangka dan menyusun pelbagai program yang dianggap sebagai satu pendekatan yang sesuai untuk dilaksanakan berdasarkan suasana dan keadaan persekitaran yang terdapat di Perlis.

Menurut Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdullah aktiviti-aktiviti dakwah PERKIM telah disusun dengan begitu terancang dengan mengambil kira keadaan semasa dan keperluan masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis. Memandangkan keperluan dakwah semakin bertambah, PERKIM berusaha mengambil pendekatan yang lebih berkesan dalam mengembangkan syiar Islam di Perlis. Dengan pengalaman yang dimiliki oleh PERKIM dalam aktiviti dakwah di kalangan masyarakat bukan Islam khususnya di peringkat pusat, aktiviti dakwah PERKIM di Perlis dapatlah dilaksanakan dengan bantuan dan sokongan daripada JAIPS. Aktiviti ini dijalankan berdasar kepada suasana dan situasi setempat serta keadaan masyarakat.²⁸

PERKIM Perlis telah menggerakkan anggotanya untuk menjalankan aktiviti dakwah mereka berdasarkan pendekatan yang telah disusun dan dirancang. PERKIM Perlis juga mengambil langkah yang sama dalam usaha mengembangkan Islam kepada masyarakat bukan Islam di mana pendekatan ini terbahagi kepada dua iaitu pendekatan secara langsung dan tidak langsung.

²⁸ Temubual dengan Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdullah, *Pegawai Perkim Negeri Perlis* pada 26 Ogos 2001 di pejabatnya di Kangar jam 3.00 petang.

3.2.1. Pendekatan Dakwah Secara Langsung Kepada Bukan Islam

1. Menyebarkan Risalah dan buku-buku Islam .

PERKIM telah mengambil pendekatan dalam usaha menyebarkan Islam kepada masyarakat bukan Islam dengan menyebarkan risalah dan buku-buku kecil yang berkaitan dengan Islam ke tempat-tempat tumpuan masyarakat bukan Islam di Negeri Perlis .²⁹ Bahan-bahan bacaan tersebut diberikan secara percuma kepada kelab-kelab dan persatuan-persatuan bukan Islam di seluruh Negeri Perlis. PERKIM Perlis mengharapkan agar pendekatan ini di jangka dapat memberi sumbangan dalam peningkatan kefahaman tentang Islam di kalangan masyarakat bukan Islam. Dengan adanya bahan-bahan bacaan tersebut masyarakat bukan Islam dapat mendekati dan mengenali Islam melalui pembacaan.

Usaha ini secara tidak langsung membuka peluang kepada masyarakat bukan Islam yang belum mengenali Islam dapat mengenali Islam secara dekat. Ini kerana bahan-bahan bacaan tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina bagi memudahkan mereka memahami kandungannya. Ditinjau kepada isi kandungannya, ia mengandungi pengenalan Islam secara luaran dan ajaran Islam secara umum dan tidak melibatkan soal hukum hakam. Perkara bagi memudahkan masyarakat bukan Islam memahami dengan ajaran Islam tanpa perlu memerah akal fikiran untuk memahami ajaran Islam.³⁰

²⁹ Laporan Tahunan dan Mesyuarat Agung PERKIM Negeri Perlis bagi tahun 2000

³⁰ Temubual dengan Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdullah , *op.cit.*

Bahasa yang mudah digunakan supaya ianya mudah difahami oleh sesiapa yang membacanya. Buku-buku ini dibiayai oleh PERKIM Pusat dengan menggunakan sumber-sumber kewangan yang diperolehi dari derma dari orang ramai .³¹

2. **Mengeluarkan Majalah Suara PERKIM .**

PERKIM Perlis juga telah mengeluarkan majalah bulanan yang dikeluarkan oleh PERKIM Pusat sebagai bahan bacaan untuk masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Majalah tersebut diedarkan ke tempat-tempat masyarakat bukan Islam. Majalah ini mengandungi laporan aktiviti PERKIM yang dijalankan di seluruh negara. Di samping beberapa artikel yang membicarakan isu agama juga dimuatkan bagi tatapan masyarakat islam dan juga masyarakat bukan Islam. Dalam majalah tersebut dipaparkan juga bentuk-bentuk bantuan kebajikan yang diberikan oleh PERKIM kepada golongan saudara baru yang memeluk Islam. Hal ini perlu bagi mengikis kebimbangan yang akan timbul apabila seseorang itu memeluk Islam.

3. **Mengedarkan Pita Rakaman dan Kaset Bercorak Agama .**

PERKIM Perlis juga telah menggunakan TV , Video dan perakam kaset sebagai alat untuk berdakwah. Bahan-bahan tersebut dibekalkan oleh PERKIM Pusat. PERKIM Perlis telah mengedarkannya kepada sesiapa

³¹ *Ibid.*

yang berminat untuk mengenali Islam secara percuma. Bahan-bahan ini juga boleh didapati di Pejabat PERKIM Negeri. PERKIM Perlis mengharapkan dengan adanya alat-alat Media Massa yang moden ini boleh membantu dan memudahkan mereka dalam menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

4. Dakwah Secara *Fardiyyah* .

PERKIM Perlis sehingga sekarang belum lagi berkemampuan melahirkan individu yang benar-benar berkebolehan dalam ilmu Islam bagi melaksanakan tugas dakwah dan mengadakan dialog terbuka dengan masyarakat bukan Islam. Oleh itu PERKIM Perlis berkeyakinan bahawa dakwah *fardiyyah* adalah satu cara yang paling berkesan dalam aktiviti dakwah terutamanya kepada masyarakat bukan Islam.

Justeru itu PERKIM telah menggunakan cara pendekatan dakwah *fardiyyah*. Cara ini lebih mendatangkan kesan kerana ia dapat memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam untuk mendekati Islam . Antara perkara pokok yang ditekankan dalam dakwah *fardiyyah* ialah dari aspek pergaulan dan akhlak yang diamalkan oleh golongan pendakwah yang terdiri dari saudara baru. Dengan cara ini dapat menarik minat masyarakat bukan Islam untuk mendekati Islam .

Menurut Haji Abdul Rahim Abdullah PERKIM Perlis beranggapan bahawa dakwah melalui perbuatan merupakan salah satu cara dakwah

yang berkesan dalam menyebarkan Islam, kerana masyarakat bukan Islam boleh menilai ajaran Islam berdasarkan apa yang mereka lihat dalam kehidupan saudara baru . PERKIM Perlis mengharapkan golongan saudara baru akan muncul menjadi pendakwah yang berkesan.³² PERKIM Perlis memberi tumpuan memperlengkapkan golongan saudara baru dengan ajaran Islam yang sempurna supaya mereka mampu hidup sebagai seorang muslim yang sebenarnya . Hal ini boleh dianggap sebagai cara dakwah tidak langsung kepada masyarakat bukan Islam .

3.2.2. Pendekatan Dakwah Secara Tidak Langsung Kepada Bukan Islam

Untuk mencapai matlamat tersebut PERKIM telah menyusun beberapa program yang dapat memperkukuhkan tahap penguasaan ilmu-ilmu Islam di samping memperteguhkan lagi keimanan mereka kepada ajaran Islam . Antara kegiatan tersebut ialah :

1. Urusan Mengislamkan Saudara Baru .

Urusan ini dilakukan oleh pihak PERKIM jika ia melibatkan seseorang memeluk Islam melalui daya usaha PERKIM. Urusan ini dilakukan samada di Pejabat PERKIM atau di tempat yang ditentukan oleh Pengurusan PERKIM Perlis .

³² *Ibid.*

2. Urusan Mencari Keluarga Angkat Atau Tempat Perlindungan Dan Perkerjaan

Bagi sesetengah saudara baru mungkin mereka menghadapi masalah dengan keluarga sendiri, di mana mereka akan disisihkan oleh keluarga selepas memeluk Islam, Perkara ini merupakan lumrah yang terjadi terhadap para saudara baru yang memeluk Islam tanpa persetujuan dari keluarga. PERKIM perlu berusaha menjaga kebajikan golongan saudara baru yang masih baru dalam Islam agar akidah mereka tidak goyah dengan cabaran yang melanda diri mereka. Dengan adanya bantuan ini samada mencarikan perkerjaan atau mencari keluarga angkat yang sesuai dapat memberi semangat kepada mereka untuk terus beriltizam dengan ajaran Islam. Dengan adanya bantuan dan perhatian dari umat Islam akan memberi gambaran yang baik kepada masyarakat bukan Islam untuk mengenali dan mendekati Islam

3. Urusan Nikah Kahwin, Berkhatan, Menukar Kad Pengenalan, Masalah rumah tangga dan lain-lain yang berkaitan dengan suami isteri.

Sebagaimana kehidupan seseorang muslim yang lain, para saudara baru juga perlu kepada bimbingan dalam menempuh kehidupan sebagai seorang muslim, segala urusan samada yang berkaitan dengan agama mahupun urusan yang berkaitan dengan pertukaran status sebagai seorang yang beragama Islam perlu kepada bantuan dan nasihat dari pihak PERKIM. Dengan adanya kerjasama

dan pertolongan yang dihulurkan ini dapat memberi semangat serta melahirkan rasa kegembiraan di hati mereka di samping menjadi pendorong kepada masyarakat bukan Islam menilai kebaikan Islam dan umatnya .

4 . Program Lawatan ke Rumah Saudara-Saudara Baru Untuk Mengukuhkan Silaturrahim .

Sebagai saudara baru seseorang itu biasanya tidak begitu biasa menjalani kehidupan sebagai seorang muslim, tambahan pula jika disisih oleh keluarga sendiri sudah pasti sedikit sebanyak mengganggu perasaan mereka. Oleh sebab itu PERKIM Perlis berusaha merapat tali persaudaraan antaranya lawatan ke rumah-rumah saudara baru . Hal ini menunjukkan kepada masyarakat bukan Islam betapa Islam begitu mengambil berat kebajikan umatnya sehingga mereka semua dianggap sebagai satu keluarga tanpa mengira warna kulit .³³

5. Bimbingan Agama untuk Saudara Baru.

PERKIM Perlis telah menyusun pelbagai program agama sebagai satu usaha mengukuhkan akidah saudara baru. Program ini diadakan dengan matlamat agar kefahaman terhadap semakin bertambah di kalangan saudara baru memandangkan kebanyakan mereka bukan dari golongan yang berpendidikan tinggi dan

³³ *Ibid.*

kefahaman mereka terhadap Islam juga tidak seberapa lantaran mereka memeluk di atas dasar perkahwinan. Program mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mereka. Untuk menjayakan program-program tersebut PERKIM Perlis telah berkerjasama dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Perlis dan juga dari pendakwah-pendakwah bebas yang memiliki pengalaman dalam urusan dengan saudara baru. Antara program yang disusun ialah :

- **Bimbingan asas yang berkaitan dengan solat dan doa harian .**

Kelas yang diadakan bertujuan memantapkan penguasaan para saudara baru dengan amalan solat lima waktu serta mampu membaca doa-doa yang berkaitan kehidupan seharian.

- **Bimbingan kelas Fardhu Ain .**

Kelas ini diadakan setiap dua minggu sekali selama dua jam bermula jam 2.00 petang hingga 4.00 petang . Oleh kerana ramai saudara baru dari orang-orang Thailand maka kelas diadakan dalam bahasa Thailand dan bahasa Melayu .³⁴

³⁴ Temubual dengan Ustaz Abdul Karim bin Awang pada 23 Desember 2001 jam 3.00 petang di rumahnya di Beseri. Beliau salah seorang tenaga pengajar di Pusat Dakwah JAIPS. Beliau mengajar saudara baru dalam bahasa Thailand. Juga Temubual dengan En. Abu Bakar Abdullah *op.cit*

- **Kelas Bimbingan Membaca al-Qur'an**

Kelas al-Qur'an diadakan bagi melahirkan para saudara baru yang mampu membaca al-Qur'an. Kelas ini diadakan 4 kali seminggu iaitu pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

- **Majlis Dialog dengan JAIPS**

PERKIM Perlis juga mengadakan Majlis Dialog dengan Pegawai pegawai dari JAIPS bagi menyelesaikan sebarang masalah atau kemusykilan yang berkaitan dengan agama Islam. Majlis ini diadakan sebulan sekali bertujuan merapatkan hubungan antara JAIPS dengan ahli-ahli PERKIM di samping mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia ada.

Memandangkan keperluan memenuhi tuntutan yang semakin meningkat di kalangan saudara baru, Wanita PERKIM Perlis telah mengorak langkah menyusun berbagai program dalam memantapkan aktiviti dakwah mereka di seluruh Negeri Perlis. Antara program yang disusun ialah :

1. Program Lawatan ke rumah-rumah saudara baru bagi mengeratkan hubungan persaudaraan.
2. Pertemuan bulanan sesama ahli PERKIM dari kalangan wanita

bertujuan mengenal pasti masalah di kalangan ahli terutama yang baru memeluk Islam.

3. Menyusun program latihan dan khidmat nasihat bagi golongan saudara baru yang ingin mendapatkan perkerjaan dari kalangan wanita .³⁵

6. Mengadakan Beberapa Siri Kursus dengan Kerjasama JAIPS .

PERKIM Perlis telah menyusun beberapa siri kursus untuk saudara-saudara baru dengan kerjasama JAIPS bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang ilmu-ilmu Islam di samping mengeratkan lagi hubungan tali persaudaraan sesama mereka .

7. Menghantar Saudara Baru Untuk Mendalami Islam Di Institut Dakwah Islamiah PERKIM di Kelantan .

Untuk melahirkan pendakwah yang mempunyai pengetahuan luas tentang Islam, PERKIM Perlis telah menghantar ahlinya ke Institut Dakwah Islamiah PERKIM di Kelantan yang mempunyai pengalaman yang lebih luas dalam bidang dakwah. Penghantaran ini bertujuan melatih para saudara baru serta mendedahkan mereka dengan aktiviti-aktiviti di negeri-negeri yang sudah berpengalaman dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

8. Bantuan Persekolahan Untuk Anak-Anak Saudara Baru .

Sebagai galakan dan dorongan kepada saudara baru dan meringankan beban mereka, PERKIM Perlis telah mengeluarkan bantuan kepada anak-anak saudara-saudara baru terutamanya bantuan persekolahan samada peralatan persekolahan mahupun bantuan wang ringgit .

9. Aktiviti Agama Seperti Kuiz Agama, Pertandingan Syarahan, Ujian Menghafal al-Qur`an .

PERKIM Perlis telah mengadakan beberapa aktiviti agama berbentuk pertandingan di antara saudara baru, di samping untuk mempereratkan lagi hubungan sesama mereka ia juga bertujuan untuk mendedahkan kepada para saudara baru dengan lebih banyak ilmu pengetahuan tentang Islam .

10. Tabung Pinjaman Modal Berniaga

PERKIM Perlis juga telah berusaha membantu golongan saudara baru Agar dapat membina kehidupan mereka sendiri dengan menaja Tabung Modal berniaga kepada mereka yang berminat dalam bidang perniagaan.

³⁵ Temubual dengan Ustazah Rodhiah binti Mahmood , *Ketua Wanita PERKIM Negeri Perlis* pada 26 Ogos 2001 di rumahnya di Arau, Perlis .

3.2.3. PERKIM WANITA NEGERI PERLIS

PERKIM Perlis juga tidak mengabaikan golongan saudara baru dari kalangan wanita di mana untuk mereka ditubuhkan satu unit khusus untuk menjaga kebajikan mereka dan memantapkan lagi kegiatan dakwah khususnya di kalangan wanita. Jika dilihat dalam situasi dakwah Islam di Negeri Perlis, kebanyakan saudara baru terdiri dari kalangan wanita. Mereka ini terdiri dari kalangan wanita Thailand yang berkahwin dengan lelaki Melayu Perlis, oleh yang demikian penubuhan Wanita PERKIM Perlis amatlah tepat memandangkan keperluan golongan wanita kepada perhatian yang sewajar dari umat Islam ini kerana golongan saudara baru memang memerlukan kepada bimbingan dan tunjuk ajar dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang muslim.

Matlamat Penubuhan PERKIM Wanita Perlis.

Antara matlamat penubuhan PERKIM Wanita Perlis ialah :

1. Menyelia kebajikan para saudara baru dari kalangan wanita samada yang menghadapi masalah rumah tangga atau pun yang disisihkan keluarga.
2. Memberi bimbingan khusus kepada golongan wanita terutama yang melibatkan masalah hokum hakam yang berkaitan dengan wanita.

3. Memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar bagi membimbing para saudara baru wanita menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.

Memandangkan keperluan memenuhi tuntutan yang semakin meningkat di kalangan saudara baru, Wanita PERKIM Perlis telah mengorak langkah menyusun berbagai program dalam memantapkan aktiviti dakwah mereka di seluruh Negeri Perlis . Antara program yang disusun ialah :

1. Program Lawatan ke rumah-rumah saudara baru bagi mengeratkan hubungan persaudaraan.
4. Pertemuan bulanan sesama ahli PERKIM dari kalangan wanita bertujuan mengenal pasti masalah di kalangan ahli terutama yang baru memeluk Islam.
5. Menyusun program latihan dan khidmat nasihat bagi golongan saudara baru yang ingin mendapatkan perkerjaan dari kalangan wanita .³⁶

³⁶ Temubual dengan Ustazah Rodhiah binti Mahmood *,op.cit.*